



04 SEP, 2020

## Sewa percuma peniaga di Sabah dilanjut

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

# Sewa percuma peniaga di Sabah dilanjut

**Mardinah Jikur**

SANDAKAN: Pengecualian pembayaran sewa tapak bagi peniaga pasar malam, pasar tani, pasar tamu dan trak makanan di negeri ini dilanjutkan sehingga tahun hadapan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata pengecualian itu yang diumumkan tahun lepas adalah untuk membantu golongan penjaja.

"Dalam musim pandemik Covid-19 ini, ia diharap dapat membantu peniaga kita berhadapan situasi semasa," katanya sebelum menambah, pengecualian itu telah memberi manfaat kepada sekitar 22,000 penjaja.

Langkah mengecualikan bayaran sewa oleh penjaja dalam tempoh setahun dianggarkan berjumlah antara RM6 juta dan RM7 juta.

Shafie berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan beberapa program yang berjalan serentak iaitu Majlis Penyerahan Bantuan Input Pertanian, Pelancaran Projek Inkubator Usahawan Pertanian Gum-Gum, Penyerahan Geran Tanah dan Pelancaran Electronic Planning Permission System Daerah Sandakan di Dewan Masyarakat di sini, pada Khamis.

Turut hadir ialah Menteri Kerajaan



SHAFIE menyampaikan geran NT kepada seorang wakil penerima.

Tempatan dan Perumahan Negeri sementara, Datuk Jaujan Sambakong; Menteri Pelajaran dan Inovasi sementara, Dr. Yusof Yacob; Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat sementara, Datuk Frankie Poon; Presiden Majlis Perbandaran Sandakan, Wong Foo Tin; Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur Sabah, Bernard Liew; Pengarah Jabatan Pertanian, Muhidin Ismail dan Setiausaha Hasil Bumi Sabah, Awang Shahmin Sahari.

Pada majlis itu, Shafie menyampaikan sebanyak 522 geran tanah berstatus anak negeri (NT) kepada wakil penerima dengan jumlah keseluruhan 589.41 hektar.

Ia masing-masing melibatkan 209 geran tanah NT individu yang juga pe-

mansuhan geran komunal Kampung Sungai Kundur dan 313 geran adalah melalui kelulusan permohonan tanah NT di 55 buah kampung melibatkan peneroka skim Suan Lamba di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB).

Shafie juga menyerahkan pewartaan kampung kepada ketua kampung dari dua buah kampung iaitu Kampung Bonggaya yang diwartakan pada 21 Mac tahun ini dan Kampung Bokara yang diwartakan pada 21 Ogos tahun ini di mana kedua-dua kampung ini terletak dalam kawasan Parlimen Batu Sapi. Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu, Shafie menyangkal dakwaan bahawa geran tanah yang diberikan adalah geran kosong.



04 SEP, 2020

## Sewa percuma peniaga di Sabah dilanjutkan

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Mardinah Jikur SANDAKAN: Pengecualian peinbayaran sewa tapak bagi peniaga pasar malam, pasar tani, pasar tamu dan Irak makanan cli negeri ini dllanjutkan sehingga tahun hadapan. Ketua Menteri, Datuk Scri Mohd Shalie Apdal, berkata penaecualian ilu yang diumumkan taluin lepas adalah untuk membantu golongan penjaja."Dalam 111 usim pandeinik Covid-19 ini, ia diharap dapat membantu peniaga kita berhadapan siluasi semasa," katanya sebelum menambah, pengecualian ilu telah memberi manfaat kepada sekilar 22,000 penjaja.